

Bina Dataran Adat Perpatih


Bertujuan memperkasakan warisan sejarah, adat dan budaya di Negeri Sembilan

**DIJELANG NORA FIDAH ASSAN
SEREMBAN**

Kerajaan Negeri Sembilan akan membina Dataran Adat Perpatih tahun hadapan di Muzium Negeri Sembilan di sini bagi memperkasakan warisan sejarah, adat dan budaya di negeri ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, dataran bernilai RM1 juta itu juga bakal mengumpul ahli sejarah, masyarakat adat dan pencinta warisan adat.

"Selain itu, kita berharap ia



Aminuddin (depan, dua dari kanan) beramah mesra dengan individu yang terlibat dalam Majlis Perasmian Penutup Seminar Antarabangsa Nusantara Adat Perpatih di Seremban pada Ahad.

juga menjadi ikon utama selain dari Istana Lama Seri Menanti di Kuala Pilah," katanya ketika berucap di Majlis Perasmian Penutup Seminar Antarabangsa Nusantara Adat Perpatih di sini pada Ahad.

Dalam pada itu Aminuddin berkata, kerajaan negeri juga telah memperkenalkan inisiatif Pemuliharaan Bangunan dan Rumah Warisan tahun lalu seiring dengan pemerkasaan Adat Perpatih dan untuk menarik ke-

datangan pelancong ke negeri ini.

"Antara bangunan dan rumah yang telah dipulihara di bawah inisiatif khas ini ialah Masjid Warisan Kampung Terusan Kuala Pilah dan Masjid Warisan Kuala

Serdang Kuala Pilah.

"Manakala rumah yang telah dipulihara ialah Rumah Warisan Puan Norami Kampung Semerbok Rembau, Rumah Warisan Puan Norlida Idris Kuala Pilah dan Rumah Warisan Puan Jalilah Buang di Jelebu.

"Saya difahamkan selepas ini Rumah Warisan Dato Klana Hasim di Pantai dan Bangunan Moi Kong Ng Shook Fui Kon di Temiag di sini akan dipulihara," katanya.

Jelasnya, melalui pemuliharaan bangunan dan rumah warisan ini, memberi peluang kepada pengkaji untuk menjadikannya sebagai rujukan dalam penyelidikan yang berkaitan dengan seni bina Negeri Sembilan.

Sementara itu, beliau turut menyeru agar luak dan persatuan sejarah menjalinkan kerjasama dalam bidang berkaitan, sebagai usaha untuk memperkayakan lagi, warisan bersejarah yang terdapat di negeri ini.